

# Dr Mahathir kongsi idea

m/d: 2

Sinar Harian - 3/1/2020

PM tertanya-tanya sama ada idea koperasi di Okinawa, Jepun boleh dilaksanakan di Malaysia

**KUALA LUMPUR**

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah melontarkan idea tentang kedai koperasi kampung di Jepun dan tertanya-tanya sama ada idea seumpama itu dapat dilaksanakan dengan jayanya di Malaysia.

Memuat naik kisah itu dalam blog beliau, chedet.cc, kelmarin dan dikongsi dalam Facebook dan Twitternya semalam, Perdana Menteri berkata, kedai itu beroperasi di pulau Okinawa.

Tulisnya, "Okinawa ialah sebuah pulau yang panjang dan sempit yang jaraknya 100 kilometer dari utara ke selatan. Di zaman dahulu penduduk di selatan sukar untuk mendapatkan bekalan daripada utara.

"Penduduk di kampung itu memutuskan untuk mewujudkan sebuah kedai untuk memenuhi keperluan mereka.

"Mereka mengupah seorang lelaki di kampung itu untuk menguruskan kedai itu. Wang diberikan oleh penduduk kampung bagi membeli barangan dari utara untuk diisi di dalam kedai itu untuk keperluan mereka.

"Penduduk kampung membeli barang keperluan mereka tetapi tidak membayarnya serta-merta. Sebaliknya mereka tulis nama mereka dan barang yang diambil pada sekeping kertas.



**DR MAHATHIR**

"Setiap kali mereka perlukan barangan atau makanan, mereka tulis nama mereka dan lekatkannya di papan kenyataan yang terdapat dalam kedai itu. Pada akhir bulan, mereka akan jumlahkan belian mereka yang tersenarai pada kertas itu dan membayar amaun yang perlu dibayar. Wang itu disimpan dalam peti simpanan.

"Ia amat berjaya di Okinawa. Tertanya-tanya jika ia boleh dilaksanakan dengan jayanya di Malaysia."

Ini merupakan antara perkara yang banyak kali diperkatakan oleh Dr Mahathir tentang bagaimana rakyat boleh memanfaatkan koperasi.

Pada 21 September tahun lepas, semasa berucap kepada 20,000 ahli persatuan koperasi di Cyberjaya, beliau berkata, pergerakan koperasi boleh memainkan peranan penting dalam membantu isi rumah berpendapatan rendah untuk berdepan dengan kenaikan kos hidup. - *Bernama*